

**TERJEMAHAN SEBAGAI STRATEGI BERKOMUNIKASI DALAM WACANA  
PERBUALAN MELALUI CERITA SOSIAL DALAM KALANGAN KANAK-KANAK  
AUTISME DI MALAYSIA**

<sup>1</sup>Suraya Amirrudi dan <sup>2</sup>Normaliza Abd Rahim

<sup>1</sup>*Infrastructure University Kuala Lumpur*

<sup>2</sup>*Universiti Putra Malaysia*

---

**ABSTRAK**

Dalam membicarakan soal wacana perbualan di kalangan kanak-kanak autisme ini, terdapat beberapa pendekatan telah digunakan dalam menginterpretasi kekurangan dalam komunikasi yang secara tidak langsung telah membayangkan masalah kekurangan daya kognitif yang serius. Kajian ini menggunakan kajian kualitatif. Sebuah sekolah rendah kebangsaan telah dipilih sebagai tempat untuk mendapatkan sampel kajian. Kanak-kanak autisme yang dipilih ialah seramai 13 orang dengan lapan orang kanak-kanak perempuan dan lima orang kanak-kanak lelaki. Usia kanak-kanak ini ialah 9 hingga 11 tahun. Tiga alat kajian digunakan dalam mendapatkan data. Alat-alat kajian yang digunakan ialah cerita sosial dan soalan temubual yang separa berstruktur. Untuk menerangkan kajian ini dengan lebih terperinci, satu taksonomi telah digunakan iaitu Taksonomi Strategi Komunikasi (Tarone, 1980). Penemuan yang ditemukan dalam kajian ini mendapati kesemua 13 kanak-kanak autisme ini telah menunjukkan gaya kestabilan yang baik dalam memperoleh strategi-strategi komunikasi yang telah ditetapkan oleh taksonomi tersebut terutamanya strategi terjemahan iaitu *literal transfer* (menterjemahkan setiap perkataan) dan *language switch* (menggunakan terma bahasa utama). Secara keseluruhannya juga kanak-kanak autisme ini telah mempamerkan kebolehan mereka hasil bantuan cerita sosial yang merupakan alat intervensi utama untuk kajian ini. Akhirnya, kajian ini dapat menghasilkan sebuah repetoar (senarai ujaran dan isyarat) hasil daripada perbandingan strategi berkomunikasi bagi kegunaan kanak-kanak autisme diluar sana. Pada kesimpulannya, tiada formula magis untuk mengajar kanak-kanak pembelajaran khas ini. Ilmu yang dapat dikongsi di sini lebih berbentuk kebarangkalian ungkapan, strategi komunikasi dan cerita sosial yang boleh diguna pakai secara konsisten untuk mendapat hasil yang baik.

**Kata kunci:** *strategi komunikasi, wacana perbualan, autisme, cerita sosial*

**ABSTRACT**

In discussing spoken discourse among the autism children, it is long known that these children respond to interventions that target their specific skills and behaviour. The current study uses the qualitative data. A public school was chosen for the data collection. There were 13 Autism Spectrum Disorder (ASD) children with four female and nine male were selected as the sample for the study and their age was ranged from 9 to 11 years old. The study utilised social stories and semi-structured interview questions. To explain more about this phenomenon, the current research employed Tarone Taxonomy for Communicative Strategies (1980). Above all, the findings of the study reveal that the 13 respondents demonstrated a stable trend in all elements under the communicative strategies; paraphrase (approximation, word coinage, circumlocution), borrowing (literal translation, language switch, appeal for assistance and mime) and avoidance (topic avoidance and message abandonment). All these were acquired through their understanding from the social stories. At the end of the study, a repertoire (list of utterances and signs) based on the comparison of the communication strategies of these ASD children was produced. All in all, there was no magic formula for teaching special educational needs students, especially autism. The knowledge that was obtained here about utterances, communicative intent, communicative strategies and social stories could be used consistently and consciously to obtain greater effects for the future.

**Keywords:** *communication strategies, spoken discourse, autism, social stories*

## **PENGENALAN**

Autisme adalah satu kecelaruan kelakuan dan kesukaran dalam komunikasi dan interaksi. Autisme mula dijumpai oleh pakar psikiatri, Dr. Leo Kanner yang berkerja di John Hopkins University pada tahun 1943. Beliau turut menekankan kesan utama autisme adalah kecelaruan didalam perkembangan hubungan sesame manusia. Kanner (1943) juga ialah manusia pertama menerangkan autisme dari peringkat awal. Dalam tahun yang sama, seorang saintis German Dr. Hans Asperger, menemui sindrom Asperger. Pada tahun 1990-an sindrom Asperger telah di masukkan ke dalam golongan autisme. Walau bagaimana pun, kedua-dua kecelaruan ini adalah berbeza sama sekali. Kanak-kanak yang mengalami sindrom Asperger mempunyai perkembangan yang agak normal dari segi komunikasi dan kemahiran motor mereka. Tetapi, pada tahun 2013, DSM-5 telah menggantikan kecelaruan autistik, sindrom Asperger dan keresapan kecelaruan perkembangan yang lain di bawah payung spektrum kecelaruan autisme (ASD).

Selain daripada itu, kebanyakan kanak-kanak istimewa, terutamanya kelewatan perkembangan dan autisme tidak ‘diprogram’ untuk memberi maklum balas kepada individu di dalam persekitaraannya (Jerry, 2020). Dalam menanggapi masalah komunikasi, kefahaman terhadap strategi komunikasi adalah diperlukan. Strategi komunikasi adalah rangka tindakan untuk mengetahui bagaimana maklumat komunikasi di sampaikan. Tarone (1980) mengatakan bahawa, strategi komunikasi adalah “saling percubaan diantara dua pembicara untuk bersetuju terhadap maksud didalam satu-satu situasi dan struktur keperluan maksud tidak dikongsi”. Strategi komunikasi adalah termasuk lisan, bukan lisan atau visual dan dengan mengintergrasikan strategi-strategi ini, akan membolehkan pengguna bahasa merasakan kejayaan dalam berkomunikasi. Kebanyakan kajian autisme bersetuju mengatakan yang 50 ke 100 orang kanak-kanak autisme mengalami kesukaran dalam system bahasa dan komunikasi mereka. Semenjak tahun 1990-an lagi kajian-kajian seperti Baltaxe *et al.*, 1995; Baron-Cohen 1988; Eales 1993 dan Tantam (2003) telah menjumpakan penggunaan Bahasa dalam konteks sosial adalah masalah utama kanak-kanak autisme. Dalam menolong kanak-kanak autisme ini untuk berkomunikasi, pelbagai cara telah dilakukan. Dalam tahun 1994 contohnya, Carol Gray telah mencipta satu kaedah yang dipanggil Comic Strip Conversations atau perbualan berdasarkan helaian komik. Ianya adalah satu ilustrasi grafik yang mempunyai tahap komunikasi yang pelbagai. Pada tahun berikutnya, 1991, Gray telah mencipta pula satu kaedah yang dipanggil Social Stories (cerita sosial) untuk menolong kanak-kanak autisme ini dalam memperbaiki kemahiran sosial mereka. Menurut Arunachalam & Luyster (2016) cerita sosial ini dapat membantu kanak-kanak autisme dalam memahami tahap komunikasi interpersonal supaya mereka lebih boleh berinteraksi dan berkesan dan betul. Cerita sosial ini boleh disampaikan oleh sesiapa sahaja, baik pendidik, ibu bapa, ataupun ahli psiaikologi.

## **SOROTAN KAJIAN**

Ibu bapa adalah teman bahasa yang paling rapat dengan kanak-kanak dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan perkembangan bahasa kanak-kanak. Menurut Kaiser & Roberts (2013), kaedah komunikasi yang diggunakan oleh ibu bapa kepada kanak-kanak yang mengalami kemerosotan bahasa ini adalah sepatutnya di titikberatkan. Kadar komunikasi kanak-kanak, perhatian, kemahuan berkomunikasi, kebolehpayaan dan kebolehan bertindak balas didalam bahasa adalah banyak dipengaruhi oleh aspek interaksi ibu-bapa-kanak-kanak. Menurut Herring (2004), memandangkan analisis wacana adalah satu kajian bahasa yang bertujuan untuk membezakan dan memerhatikan corak, ianya juga membenarkan seseorang itu untuk memerhatikan corak pertukaran dan aplikasi bahasa untuk tujuan pembaikan dan proses komunikasi. Berpandukan bukti beralasan dan di kaitkan dengan autisme dan kesukaran berkomunikasi, Stiegler & Davis (2010) mengatakan adalah tidak

mengejutkan masalah komunikasi yang di alami oleh kumpulan ini diperbaiki dengan menggunakan strategi komunikasi.

Lebih-lebih lagi pada tahun 2018, Jakubowski and Iverson telah menjalankan kajian terhadap corak komunikasi khusus untuk kanak-kanak di kalangan ibu-ibu yang mempunyai anak-anak autisme. Keputusan kajian menunjukkan terdapat keperluan untuk kajian lanjut dijalankan ke atas sampel. Di akhir kajian, pengkaji mendapati, komunikasi ibu bersama dengan anak adalah dipengaruhi oleh cara dan pengalaman berkomunikasi yang turut dikenali sebagai strategi komunikasi. Sng *et al.* (2020) juga mengatikan yang kesukaran dalam perbualan sosial yang di alami oleh kanak-kanak autisme boleh dibantu dengan menggunakan peranti seperti iPad. Menerusi aplikasi peranti iPad ini, kanak-kanak autisme mempunyai strategi dalam memperbetulkan kegagalan komunikasi mereka. Kajian seperti ini diteruskan oleh Kazemi & Mohebbinejad (2020) apabila mereka menjalankan kajian untuk mengadaptasi dan mengkaji perlakuan Teach-Model-Coach-Review model of the Enhanced Milieu Teaching (EMT). Mereka menjalankan kajian ini ke atas para ibu di Iran dan melihat strategi bahasa yang digunakan oleh ibu-ibu ini terhadap anak-anak mereka yang mengalami kelewatan bahasa dan kecelaruan tindakan. Dapatan kajian mereka menunjukkan yang model tersebut sesuai untuk membantu.

Banyak lagi kajian-kajian yang telah dijalankan dalam melihat strategi komunikasi yang digunakan oleh kanak-kanak autisme ini dalam mempromosikan kemahiran komunikasi mereka. Salah satunya ialah Arunachalam & Luyster (2019) yang melihat penghasilan komunikasi spontan lisan dan bukan lisan kanak-kanak autisme ini. Mereka terlihatkan pelbagai penemuan terhadap kecelaruan kanak-kanak ini yang dapat mereka simpulkan bahawa, kanak-kanak autisme ini berkemungkinan mempunyai kesukaran dan kecelaruan yang pelbagai. Dengan itu, pendedahan kepada hanya satu atau dua kaedah adalah tidak memadai. Zhang *et al.* (2019) menilai komunikasi sosial kanak-kanak autisme dengan menggunakan keupayaan collaborative virtual environments (kerjasama persekitaran maya). Kaedah ini mereka gunakan ke atas sampel kajian dan mendapati terdapat elemen-elemen kerjasama dalam komunikasi di kalangan kanak-kanak autisme ini. Tidak kurang juga kajian yang dijalankan oleh Talbott (2020) apabila beliau mengkaji jaringan khusus antara pergerakan badan dan elemen linguistik di kalangan kanak-kanak autisme. Menurut beliau dalam pemerhatian yang lama beliau lakukan itu, hadir beberapa komunikasi strategi yang beliau kaitkan dengan; kesamaan perkataan, penciptaan perkataan dan gerak badan dan juga keupayaan penggunaan lebih dari satu perkataan.

Menurut Capps *et al.* (2000) dan Volden & Lord (1991), satu ciri menarik yang terdapat pada kanak-kanak autisme ialah echolalia (ekolalia); pengulangan dan stereotaip dalam perbualan. Menurut ramai pengkaji, ecolalia adalah salah satu daripada komunikasi strategi. Apabila terjadinya ecolalia ini, perbualan akan menjadi lebih rutin berbanding perbualan yang agak janggal bagi kanak-kanak autisme ini. Ecolalia juga membuatkan kanak-kanak ini selesa dalam berkongsi maklumat spontan. Ini ditambah dengan dapat kajian Sterponi & Shankey (2014), perbualan yang mempunyai unsur ecolalia juga dikatakan baik dalam membantu kanak-kanak ini. Selain daripada ini, La Valle *et al.* (2020) dalam pemerhatian mereka, kanak-kanak autisme berkeupayaan mencipta perkataan dan ayat dan juga menggunakan language switch (pertukaran bahasa) di dalam proses mereka untuk berbual. Ini memaparkan keupayaan mereka dalam mengukuhkan perbualan mereka.

Kesemua dapatan kajian yang tersenarai ini boleh di petakan kepada rangka kerja taksonomi strategi komunikasi oleh Tarone (1983). Dapat disimpulkan disini, dengan proses intervensi yang betul strategi komunikasi kanak-kanak austisme boleh diperbaiki. Dengan itu, kajian ini menggunakan taksonomi strategi komunikasi Tarone (1983) untuk menganalisis strategi komunikasi yang diperolehi dari kanak-kanak autisme ini.

### **Taksonomi strategi komunikasi Tarone (1980)**

Kerangka kerja taksonomi strategi komunikasi Tarone (1980) yang digunakan untuk kajian ini. Taksonomi ini terbahagi kepada tiga strategi utama; paraphrase (parafrasa), transfer (pindah) and avoidance (mengelak). Parafraza didefinisikan sebagai proses menggunakan perkataan lain untuk lebih menerangkan sesuatu. Untuk strategi terdapat tiga elemen dibawahnya; approximation (penggunaan bahasa sasaran), word coinage (penghasilan perkataan baru) dan circumlocution (keterangan ciri-ciri kepada seseorang atau sesuatu). Strategi yang kedua ialah pindah yang juga mempunyai empat elemen; literal transfer (menterjemahkan setiap perkataan), language switch (menggunakan terma bahasa utama), appeal for assistance (meminta bantuan) and mime (menggunakan gerak badan sebagai ganti kepada ujaran). Strategi yang ketiga ialah mengelak yang dibawahnya terdapat dua elemen; topic avoidance (mengelak dari topik) dan message abandonment (meninggalkan mesej utama dan bertukar topik).

Dengan itu, artikel ini ditulis dengan tujuan untuk melaporkan kajian komunikasi strategi wacana perbualan dengan menggunakan cerita sosial dalam kalangan kanak-kanak autisme.

### **METODOLOGI**

Merujuk kepada objektif kajian ini, data yang di kumpul adalah berbentuk kualitatif. Pelbagai kaedah telah digunakan untuk mengumpul data dan mengukur fenomena autisme ini. Secara spesifiknya, kajian ini telah menggunakan kajian kes sebagai reka bentuk kajian dalam mendekati kanak-kanak autisme ini. Kajian kes dipilih kerana kajian ini tertumpu kepada kanak-kanak istimewa iaitu kanak-kanak autisme. Pengkaji telah mendapat kerjasama dari sebuah sekolah di Lembah Kelang ini dalam mendapatkan sekumpulan kanak-kanak autisme sebagai subjek kajian. Seramai 13 orang kanak-kanak autisme telah memberikan kerjasama yang sangat bermakna untuk dapatan kajian ini. Kanak-kanak ini berumur dalam lingkungan 9-12 tahun. Mereka tidak ditempatkan didalam satu kelas yang sama malahan mereka di tempatkan mengikut kemahiran masing-masing. Berdasarkan kajian rintis yang dilakukan, kanak-kanak autisme ini kemudiannya di kategorikan kepada tiga iaitu rendah (*low functioning autism disorder*), pertengahan (*medium functioning autism disorder*) dan tinggi (*high functioning autism disorder*). Kanak-kanak ini dikategorikan berpandukan keupayaan mereka untuk berkomunikasi dan juga pengkelasan mengikut DSM V. Dengan pengelasan ini, dapatan kajian ini menjadi lebih menarik.

Seperti yang telah dijelaskan di sorotan kajian, cerita sosial atau social stories adalah merupakan satu kaedah intervensi yang dikatakan berjaya dalam membantu kanak-kanak autisme ini. Cerita sosial ini menurut Gray (1995), adalah sebuah cerita pendek yang mengandungi elemen-elemen khusus dan mudah berkenaan tentang tetapan sosial seseorang atau sesuatu. Cerita sosial ini akan memastikan kanak-kanak autisme ini memahami maklumat yang diberikan dan dengan penceritaan yang kerap boleh membuatkan mereka faham dan mempunyai keinginan untuk berinteraksi. Untuk kajian ini, tiga cerita sosial telah digunakan dan ketiga-tiga cerita sosial ini ditulis sendiri oleh pengkaji berpandukan garis panduan yang diberikan oleh Gray (2003).

Tajuk-tajuk kepada cerita sosial ini ialah Melawat Atuk dan Nenek di Kampung, Berbuat Baik dengan Haiwan dan Saya Menolong Keluarga. Elemen-elemen moral seperti kasih sayang, hormat-menghormati, tolong-menolong, menyayangi haiwan dan berbuat baik diterapkan di dalam cerita-cerita sosial ini. Untuk setiap cerita sosial, pengkaji menjalankan langkah-langkah ini; pada minggu pertama, cerita sosial di ceritakan kepada kanak-kanak autisme ini dan seterusnya masa yang ada digunakan untuk perbincangan berkenaan dengan cerita tersebut. Pada minggu kedua, cerita yang sama diceritakan semula dan kali ini, kanak-kanak autisme ini di ajukan beberapa soalan berkenaan cerita tersebut. Sesi temuramah ini dijalankan setiap minggu kedua dan minggu ketiga dan tujuannya

ialah untuk mendapatkan strategi komunikasi yang digunakan dalam memberikan jawapan-jawapan tersebut.

Selain daripada sesi temuramah, kajian ini juga menggunakan kaedah pemerhatian. Kaedah pemerhatian ini sangat teliti dilakukan dengan mengambil kira proses-proses yang dijalankan. Pengkaji merekodkan objektif dan data faktual menerusi pemerhatian dengan memerhati secara teliti jawapan lisan dan bukan lisan (gerakkan badan) subjek-subjek kajian ini. Transkripsi telus dan terus (verbatim) digunakan memandangkan setiap yang diungkapkan, ekspresi wajah, gerak mata dan gerak badan subjek adalah sangat signifikan kepada dapatan kajian ini. Untuk itu, ujaran subjek direkod dan diperiksa betul-betul dan dibandingkan.

### **Keputusan dan Perbincangan**

Keputusan dibawah adalah berdasarkan contoh ujaran dari subjek berpandukan strategi komunikasi Tarone (1980)

#### 1. Penggunaan bahasa sasaran

Jadual 1: Penggunaan bahasa sasaran

Subjek	Ujaran
S2	Sayang atuk nenek (Love atuk and nenek) Tolong (Help)
S3	Love atuk and nenek much (I love atuk and nenek very much) Love juga (Love too)
S6	Saya sayang atuk nenek (I love atuk and nenek) Sayang mama, papa (Love mama and papa) Saya tolong (I help)
S12	Yes love Yes Kampung...help At home...help
S13	Sayang atuk dan nenek (I love atuk and nenek) Saya sayang juga emak dan ayah (I love mother and father too) Sayang tolong mereka

#### 2. Penghasilan perkataan baru

Jadual 2: Penghasilan perkataan baru

Subjek	Ujaran
S1	Ada (Yes I have) Mati (die)
S4	Ada cikgu, kucing (Yes I have a cat) Tak makan mati la (If they don't eat, they'll die)
S5	Mati lapar (Die for hunger)
S6	No...Tak ada (No I don't have) Tak ada cats (I don't have cats) Tak tahu (I don't know)

S11	Ada (Yes I have)
	Boleh kasi makan dan minum air (Can give them food and water)
S13	Saya tak ada binatang di rumah (I don't have pets at home)

3. Keterangan ciri-ciri kepada seseorang atau sesuatu

Jadual 3: Keterangan ciri-ciri kepada seseorang atau sesuatu

Subjek	Ujaran
S1	Sayang atuk (Love atuk) Ye emak ayah (Yes mother and father)
S5	Sayang atuk, nenek, mama, papa (Love atuk, nenek, mama and papa) Saya tolong (I help)
S6	Saya sayang atuk nenek (I love atuk and nenek) Sayang mama, papa (Love mama and papa) Saya tolong (I help)
S12	I love tokma and I kiss her. I respect tokma and I kiss her hand when I see her. I sometimes help tokma. I help mama a lot at home.
S13	Dua-dua, saya sayang dan hormat...sayang dan hormat sama jer cikgu saya tolong atuk dekat kampung jer dan saya tolong ibu dekat rumah (Both...I love and I respect. It's the same teacher) (I help atuk when I'm in kampung only) (I help ibu when I'm at home)

4. Menterjemahkan setiap perkataan

Jadual 4: Menterjemahkan setiap perkataan

Subjek	Ujaran
S1	Sayang atuk (Love atuk) Ye saya help mama papa (Yes, I help mother and father)
S2	Sayang atuk nenek (Love atuk and nenek) Tolong (Help)
S3	Love atuk and nenek much (I love atuk and nenek very much) Love juga (Love too)
S4	Sayang saya atuk nenek juga (I Love atuk and nenek too)
S5	Sayang atuk, nenek, mama, papa...love you (Love atuk, nenek, mama and papa) Saya tolong...help (I help)

5. Menggunakan terma bahasa utama

Jadual 5: Menggunakan terma bahasa utama

Subjek	Ujaran
S3	<b>Love</b> atuk and nenek much (I love atuk and nenek very much) <b>Love</b> juga (Love too)
S8	<b>Love</b> sangat atuk nenek <b>I help</b> atuk nenek dekat kampung...

S9	<b>Yes I help</b> juga mama papa dekat rumah. I love atuk and nenek
S10	I respect them. Love papa and mama too. Sayang atuk nenek <b>because</b> atuk nenek baik
S11	<b>Yes teacher</b> saya selalu tolong atuk nenek and mama papa juga <b>Respect teacher</b> atuk nenek...sayang pun Ye cikgu <b>I help</b>

6. Meminta bantuan

Jadual 6: Meminta bantuan

Subjek	Ujaran
S4	Sayang saya atuk nenek juga (I Love atuk and nenek too)
S5	Sayang dan hormat sama ke? (Love and respect is the same right) Tolong macam mana? (how do I help?)
S6	Saya sayang atuk nenek (I love atuk and nenek) Sayang mama, papa (Love mama and papa) Saya tolong (I help)
S10	Sama ke cikgu, hormat atuk hormat papa? (Is it the same teacher, respect atuk and nenek and mama and papa?) Sama ke cikgu tolong atuk tolong papa? (Is it the same teacher, help atuk and nenek and mama and papa?)
S13	Sayang atuk dan nenek (I love atuk and nenek) Saya sayang juga emak dan ayah (I love mother and father too) Sayang tolong mereka

7. Menggunakan gerak badan sebagai ganti kepada ujaran

Jadual 7: Menggunakan gerak badan sebagai ganti kepada ujaran

Subjek	Ujaran
S1	Shaking his head because he didn't understand at first. He took my hand and he shook it...salam he said
S2	He went to R1 and hugged R1. He shook my hand too.
S3	Love she said and later hugged me. She shook my hand too.
S4	He's shy to the word love so he didn't respond anything. Shaking head to the second question.
S5	He went to R6 and shook R6's hand. He looked at me and said...love I don't know.

8. Mengelak dari topik

Jadual 8: Mengelak dari topik

Subjek	Ujaran
S1	Atuk saya pun ada lembu juga (My grandfather has a cow too)
S4	Kampung Aliff kat mana cikgu? (Where's Aliff's kampung teacher?)
S10	Cikgu R11 pukul saya. (Teacher R10 hits me)

S11	Kampung saya tak de lembu kampung pun (There are no cows and goats in my kampung)
S12	I don't have kampung. Tokmak lives with us here. Washing car is my favourite activity.
S13	Kucing jiran saya selalu datang rumah kami. Entah kenapa tah... (My neighbour's cats always come to our house. I don't know why) Cikgu Rahmad kata jangan pukul binatang. (Cikgu Rahmad said don't hit the animals)

9. Meninggalkan mesej utama dan bertukar topik

Jadual 9: Meninggalkan mesej utama dan bertukar topik

Subjek	Ujaran
S1	Sayang mama dan papa (I love mama and I love papa)
S2	(Shake head) Sayang mama (Love mama)
S7	Sayang semua...hormat cikgu (Love everybody...respect teacher)
S9	Different...love hug...respect salam
S12	Love is you say I love you to people you love.
S13	Hormat kita buat macam ni... (Respect is when you do like this... showing the action of salute)

Terdapat beberapa penerangan terhadap dapatan kajian ini. Pertama, paraphrase, kanak-kanak autisme telah memastikan yang mereka ada menggunakan strategi-strategi ini penggunaan bahasa sasaran, penghasilan perkataan baru dan keterangan ciri-ciri kepada seseorang atau sesuatu. Secara keseluruhannya, penggunaan strategi-strategi ini adalah minimal seperti ujaran-ujaran yang ditunjukkan di Rajah 2, 3 dan 4. Kanak-kanak tinggi (high-functioning ASD) menggunakan strategi penggunaan bahasa sasaran sepenuhnya. Dengan ini, dapatan ini sejajar dengan Suraya *et al.*, (2019) bila mana mereka menyatakan yang kanak-kanak (high-functioning) autisme sememangnya menggunakan strategi penggunaan bahasa sasaran ini. Strategi seterusnya ialah strategi pindahan. Secara keseluruhannya, kanak-kanak ini menggunakan strategi menterjemahkan setiap perkataan terutamanya kanak-kanak rendah (low functioning autism) autisme. Mereka akan mudah untuk membawa diri mereka kepada strategi ini bila mana mereka tidak selesa dengan soalan yang diberikan. Selain daripada itu, menggunakan terma bahasa utama juga ada diperhatikan berlaku dikalangan kanak-kanak autisme ini. Untuk ini Tarone (1978) juga ada melaporkan yang strategi ini selalu digunakan apabila pengguna bahasa tidak memperdulikan untuk membuat penterjemahan. Perkara yang sama terjadi pada kajian ini juga apabila subjek terperangkap dengan hanya menggunakan bahasa yang mereka serasi iaitu bahasa Melayu. Beralih pada strategi yang ketiga. Dapatan kajian menunjukkan meminta bantuan terjadi apabila kanak-kanak autisme ini ingin mendapatkan kepastian tentang soalan-soalan yang diajukan kepada mereka melalui ujaran-ujaran mereka. Ada juga sekali dua di mana subjek bertanya soalan tetapi tidak pula mengharapkan jawapan dari pengkaji. Seterusnya, strategi menggunakan gerak badan sebagai ganti kepada ujaran adalah strategi yang sangat hamper buat kanak-kanak autisme dalam kajian ini. Dalam banyak situasi, sebelum pengkaji mendapat jawapan dalam bentuk ujaran, pengkaji selalunya akan dapat merakamkan gerak badan atau komunikasi bukan lisan kanak-kanak ini. Seterusnya, bagi strategi yang ketiga ialah mengelak, kedua-dua elemen yang terkandung didalam strategi iaitu mengelak dari topik dan meninggalkan mesej utama dan bertukar topik sememangnya di lakukan oleh kanak-kanak autisme ini. Untuk ini, Barrett *et al.*, (2020) and Kumazaki *et al.*, (2019) telah juga membuktikannya. Mereka telah mengingatkan

bahawa kanak-kanak autisme ini banyak kekurangannya dengan itu adalah penting untuk mereka ini di bantu dengan pelbagai cara yang sesuai.

### **Perbandingan strategi komunikasi**

Untuk strategi yang pertama penggunaan bahasa sasaran, daripada ujaran perbualan yang dihasilkan oleh kanak-kanak autisme dari kategori rendah, hanya satu sahaja (S3) yang menghasilkan ujaran “Love atuk and nenek much” yang sesuai dengan parameter yang digariskan untuk strategi ini. Walau bagaimanapun, kanak-kanak autisme dari kategori pertengahan dan tinggi juga menggunakan strategi ini dan agak minimal. Sebagai contoh “Love”, “Help”, “Atuk...nenek no help”, “Give water and food” and “Many food” dan “At home...help”, “Yes I have animals at home”, “Give food...give water” and “Feed them with food and water”. Bagi strategi yang seterusnya iaitu, penghasilan perkataan baru, kesemua kanak-kanak autisme ini menggunakannya juga secara minimal. Agak menarik apabila kanak-kanak ini kreatif dalam menghasilkan perkataan-perkataan baru ini. kanak-kanak autisme dari kategori rendah dan pertengahan menghasilkan “Mati lapar”, “Cook rice”, “Make soup” and “Wash soap” manakala kanak-kanak autisme dari kategori tinggi pula memberi perkataan-perkataan ini “Kiok dah tak bernyawa, cikgu”, “kucing singgah kadang-kadang”, “Atuk nenek are old folks” and “Mama papa are not old” dan “Fungry...hungry”, “...and later die bila dia help...help”, “Mama machine” and “Circle circle machine”.

Berikut adalah contoh penghasilan ujaran sebagai perbandingan untuk ketiga-tiga kategori kanak-kanak autisme ini:

Tarone's Taxonomy of Communicative Strategies (1980)	Rendah Ujaran	Pertengahan Ujaran	Tinggi Ujaran
Circumlocution	LC1. Sayang saya atuk nenek juga (I Love atuk and nenek too) LC2. Sayang atuk, nenek, mama, papa (Love atuk, nenek, mama and papa)	MC1. Saya sayang atuk nenek (I love atuk and nenek) MC2. Sayang mama, papa (Love mama and papa)	HC1. I love tokma and I kiss her. HC2. I respect tokma and
Transfer Literal translation	LTL1. Sayang atuk (Love atuk) LTL2. Ye saya help mama papa (Yes, I help mother and father)	MTL1. No...Tak ada (No I don't have) Tak ada cats (I don't have cats) MTL2. Tak tahu (I don't know)	HTL1. Read book. HTL2. I suka read book...dinosaur book (I like reading book especially about dinosaur)
Language switch	LLS1. <b>Love</b> atuk and nenek much (I love atuk and nenek very much) LLS2. <b>Love</b> juga (Love too) LLS3. Lapar <b>animals</b> tu (the animals are hungry)	MLS1. <b>Love</b> sangat atuk nenek MLS2. <b>I help</b> atuk nenek dekat kampung... MLS3. <b>Yes I help</b> juga mama papa dekat rumah	HLS1. Sayang atuk nenek <b>because</b> atuk nenek baik HLS2. <b>Yes teacher</b> saya selalu tolong atuk nenek and mama papa juga HLS3. <b>Respect teacher</b> atuk nenek...sayang pun

Appeal for assistance	LAA1. Sayang dan hormat sama ke? (Love and respect is the same right) LAA2. Tolong macam mana? (how do I help?)	MAA1. Saya ada atuk je...macam mana, cikgu? (I only have atuk...so how teacher?) MAA2. Tolong? Tolong macam mana? (Help? How's help?)	HAA1. Saya sayang atuk dan nenek...saya sayang mama dan papa...boleh ke cikgu? (I love atuk and nenek like I love mama and papa...can right teacher?) HAA2. Sama ke cikgu, hormat atuk hormat papa? (Is it the same teacher, respect atuk and nenek and mama and papa?)
Mime Body language/gestures	LM1. Shake head LM2. Go to R1 and hug R1 LM3. Hug researcher	MM1. Shake head MM2. Make a frown face MM3. Look sad	HM1. Shake head HM2. Shake head...eyes were looking at R12 HM3. Make a frown face
Avoidance Topic Avoidance	LTA1. Atuk saya pun ada lembu juga (My grandfather has a cow too) LTA2. Cikgu sungai sejuk (Teacher, the river water is cold)	MTA1. R5 tiru kerja saya cikgu. (R5 copied my homework last time teacher) MTA2. Atuk saya pun kat kampung juga. (Atuk is in kampung too)	HTA1. Cikgu R11 pukul saya. (Teacher R10 hits me) HTA2. Kampung saya tak de lembu kampung pun (There are no cows and goats in my kampung)
Message abandonment	LMA1. Sayang mama dan papa (I love mama and I love papa) LMA2. Sayang mama (Love mama)	MMA1. (I love mama and I respect papa) MMA2. Sayang semua...hormat cikgu (Love everybody...respect teacher)	HMA1. Kalau sayang cakap I love you. (Love you say I love you) HMA2. Hormat tunduk jalan (Respect you bend yourself a bit when you walk)

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kajian ini telah mengkaji ujaran perbualan dari 13 orang kanak-kanak autisme. Strategi komunikasi mereka telah di rekodkan dengan memetakan kepada taksonomi strategi komunikasi Tarone (1980). Secara tidak langsung kanak-kanak ini juga telah menggunakan strategi terjemahan didalam strategi komunikasi mereka. Taksonomi Tarone juga digunakan untuk menganalisis data-data yang telah dikutip. Sesungguhnya kanak-kanak autisme telah dibuktikan sebagai mempunyai kekurangan dari pelbagai aspek, antaranya ialah kekurangan executive function atau fungsi eksekutif di dalam otak dan juga Theory of Mind (ToM). Dengan kekurangan ini, terhasillah kategori-kategori rendah, pertengahan dan tinggi dikalangan kanak-kanak autisme ini.

Secara keseluruhannya juga kanak-kanak autisme ini telah mempamerkan kebolehan mereka hasil bantuan cerita sosial yang merupakan alat intervensi utama untuk kajian ini. Akhirnya, kajian ini dapat menghasilkan sebuah repetoar (senarai ujaran dan isyarat) hasil daripada perbandingan elemen keinginan berkomunikasi dan strategi berkomunikasi bagi kegunaan kanak-kanak autisme diluar sana. Pada kesimpulannya, tiada formula magis untuk mengajar kanak-kanak pembelajaran khas ini. Saranan yang dapat dikongsikan disini ialah lebih berbentuk kebarangkalian ungkapan, strategi komunikasi dan cerita sosial yang boleh diguna pakai secara konsisten untuk mendapat hasil yang baik.

## **RUJUKAN**

- Arunachalam, S., & Luyster, R. J. (2016). The integrity of lexical acquisition mechanisms in autism spectrum disorders: A research review. *Autism Research*, 9, 810–828. <https://doi.org/10.1002/aur.1590>
- Asperger, H. (1991). Autistic psychopathy in childhood. In Frith, Uta (ed.), *Autism and Asperger Syndrome*. Cambridge: Cambridge University Press, 1991: 37–92.
- Baltaxe, C.A.M (1995). Pragmatic deficits in language of Autistic adolescents. *Journal of Paediatric Psychology*, 2(4), 176-180
- Barrett, A.C., Vernon, T.W., McGarry, E.S., Holden, A.N., Bradshaw, J., Ko, J.A., Horowitz, E.J. & German, T.C. (2020). Social responsiveness and language use associated with an enhanced PRT approach for young children with ASD: Results from a pilot RCT of the PRISM model. *Research in Autism Spectrum Disorders*. Volume 71, March 2020, 101497
- Baron-Cohen, S. (1988). The autistic child's theory of mind: A case of specific development delay. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 30(2), 285-297
- Capps, L., Losh, M., & Thurber, C. (2000). "The frog ate the bug and made his mouth sad": Narrative competence in children with autism. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 28, 193–204.
- Eales, M.J. (1993). Pragmatic impairments in adults with childhood diagnosis or development receptive language disorder. *Journal of Autism and Developmental Disorder*, 23(4), 593-617
- Gray, C. A. (1995). Teaching children with autism to "read" social situations. In K. A. Quill (Ed.), *Teaching children with autism: Strategies to enhance communication and socialization* (pp. 219–241). Albany, NY: Delmar.
- Gray, C. (2000). *The new social story book*. Arlington, TX: Future Horizons, Inc.
- Herring, S. C. (2004). Computer-mediated discourse analysis: An approach to researching online behavior. In S. A. Barab, R. Kling, & J. H. Gray (Eds.), *Designing for virtual communities in the service of learning* (pp. 338–376). New York: Cambridge University Press.
- Jakubowski, K.P. & Iverson, J.M. (2018). Look at mommy: An exploratory study of attention-related communication in mothers of toddlers at risk for autism. *Language Learning and Development*.
- Jerry, W. (2020). Communicative Intent. Retrieved from <https://www.thoughtco.com/communicative-intent-building-communication-skills-3110826>
- Kaiser, A. P. & Roberts, M. Y. (2013). Parents as communication partners: An evidence-based strategy for improving parent support for language and communication in everyday setting. *Perspectives on Language Learning and Education*. 2013; 20(3):96- 111. DOI:10.1044/lle20.3.96

- Kanner, L. (1943). Autistic disturbances of affective contact. *Nervous Child: Journal of Psychopathology, Psychotherapy, Mental Hygiene, and Guidance of the Child* 2: 217–50.
- Kazemi, Y. & Mohebbinejad, F. (2020). Research Paper: Persian adaptation of enhanced milieu teaching for Iranian children with expressive language delay. *Child Language Research Cluster, Department of Speech Therapy*. Iran
- Kumazaki, H., Muramatsu, T., Yoshikawa, Y., Matsumoto, Y., Ishiguro, H., Sumiyoshi, T., Mimura, M. and Kikuchi, M. (2019). Comedic experience with two robots aided a child with autism spectrum disorder to realize the importance of nonverbal communication. *Psychiatry and Clinical Neurosciences*. Received 19 February 2019; revised 11 March 2019
- La Valle, C., Plesa-Skwerer, D. & Tager-Flusberg, H. (2020). Comparing the pragmatic speech profiles of minimally verbal and verbally fluent individuals with Autism Spectrum Disorder. *Journal Autism Development Disorder*. <https://doi.org/10.1007/s10803-020-04421-7>
- Sng, C.Y., Carter, M. & Stephenson, J. (2020). Teaching on-topic conversational responses to students with autism spectrum disorder using iPad app. *International Journal Disability, Development and Education*, 1-20
- Sterponi, L. & Shankey, J. (2014). Rethinking Echolalia: Repetition as Interactional Resource in the Communication of a Child with Autism. *Journal of Child Language* 41 (2): 277-278
- Stiegler, L. N., & Davis, R. (2010). Understanding Sound Sensitivity in Individuals with Autism Spectrum Disorders. *Focus on Autism and Other Developmental Disabilities*, 25(2), 67–75. <https://doi.org/10.1177/1088357610364530>
- Suraya Amirrudin & Normaliza Abd Rahim (2019). Social Stories in the development of social competence and communication skills in the Autism Spectrum Disorder (ASD) child. *IUKL Research Journal* Vol. 7 No.1 2019
- Talbott, M. R., Young, G. S., Munson, D. F., Vismara, A. S. L. A. & Rogers, S. J. (2020). The developmental sequence and relations between gesture and spoken language in toddlers with Autism Spectrum Disorder. *Child Development*, May/June 2020, Volume 91, Number 3, Pages 743–753
- Tantam, D. (2003). The challenge of adolescents and adults with Asperger's syndrome. *Child and Adolescents Psychiatric Clinics*, 12, 143-163
- Tarone, E. (1980). Communication strategies, foreign talk, and repair in interlanguage. *Language Learning*, 30, 417-431.
- Volden, J., & Lord, C. (1991). Neologisms and idiosyncratic language in autistic speakers. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 21, 109–130.
- Zhang, L., Weitlauf, A. S., Ashwaq Zaini Amat, Swanson, A., Warren, Z. E. & Sarkar, N. (2019). Assessing social communication and collaboration in Autism Spectrum Disorder using intelligent collaborative virtual environments. *Journal of Autism and Developmental Disorders*. <https://doi.org/10.1007/s10803-019-04246-z>